

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the KFH JUNIOR INTERNATIONAL COMMODITY MURABAHAH DEPOSIT-i. Please also read the general terms and conditions.)

Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad

KFH JUNIOR INTERNATIONAL COMMODITY MURABAHAH DEPOSIT-i

Date: 19 JULY 2019

1. What is the nature of this product?

KFH Junior International Commodity Murabahah Deposit-i (“Junior ICM”) is a fixed rate investment account based on the Shariah concept of *Murabahah* (cost plus profit sale) and *Tawarruq* (monetization) where the profit rate and profit amount is made known to customer upfront. It is the only Islamic term deposit product where the profit rate and profit amount is made known upfront. This product is offered to customer below 18 years old where the account requires a guardian* to open the account.

**The guardian must be the junior’s parent(s) or legally appointed guardian(s). Legal guardian(s) should be the person who has been assigned to take care of the ‘junior’ in the court of law and must have the legal paper to prove that they are the legal guardian(s).*

2. Is the product covered by Malaysia Deposit Insurance Corporation (PIDM)?

Yes, this product is protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor.

3. What is the applicable Shariah Concept?

The Shariah Concept used are *Murabahah* (cost plus profit sale) and *Tawarruq* (monetization) whereby a specific asset will be identified and used as an underlying asset for the sale and purchase transactions between Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (“KFH Malaysia”) and the Customer. Under this contract, Customer authorises KFH Malaysia to enter into a transaction on Customer’s behalf based on the agreed terms and conditions. KFH Malaysia as an agent will purchase the commodity from the broker at spot value. KFH Malaysia will then make an offer to the customer to buy the commodity at cost plus profit which is to be paid on the specific deferred payment date. KFH Malaysia will then sell the commodity to another broker for settlement spot value. Upon agreed deferred payment date, KFH Malaysia will pay the customer the sale price amount which consists of cost (principal) plus profit.

4. What are the features of this product?

- The account currency available is in Malaysian Ringgit.
- Initial deposit amount is RM1,000.00.
- KFH Malaysia reserves its right to revise the initial deposit amount from time to time.
- Tenure offered: 1, 3, 6, and 12 months or any other tenure as determined by KFH Malaysia.
- Profit for this product is payable upon maturity date of the placement.
- Guardian is required to open In-Trust Savings Account for crediting of profit for Junior ICM.
- Profit rate shall be determined by KFH Malaysia from time to time.

5. What are the other key terms and conditions of this product that I should know?

Early Withdrawal Before Maturity Date of the Term Deposit:

- The Customer may, at any time during the Tenure, request for early payment of the profit earned from the Account from KFH Malaysia whether in full or part thereof and in such manner as KFH Malaysia deems fit.
- The Customer may request for early payment of the Purchase Price prior to the expiry of the Maturity Date. The request may be allowed by KFH Malaysia subject to the Customer's agreement to grant rebate / ibra' to KFH Malaysia in which case no profit shall be paid to the Customer.

Renewal:

- Auto renewal is allowed for principal only or principal with profit.

6. What are the fees and charges I have to pay?

Replacement of lost Term Deposit Receipt/ Certificate:

- RM5.00 per Receipt/Certificate
- RM10.00 stamp duty for Letter of Indemnity

Commodity Trading Fee:

- The fee will be borne by KFH Malaysia.

7. What are the risks involved?

You are advised to carefully consider all risk factors before making a deposit decision. There is no risk involved in this product if no early withdrawal is made.

8. What should I do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact information to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

9. Where can I get further information?

Should you require any additional information about **KFH JUNIOR INTERNATIONAL COMMODITY MURABAHAH DEPOSIT-i**, please refer to the product brochure available at all our branches or visit our website at kfh.com.my.

If you have any enquiry regarding our products and services, please contact us at: -

Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad

Level 26, Menara Prestige
No. 1, Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia

General line : +603 2168 0000 General Fax : +603 2168 0001

Contact Centre : 1300 888 534

10. Other Investment products available

- KFH International Commodity Murabahah Deposit-i
- KFH Foreign Currency International Commodity Murabahah Deposit-i
- Senior ICM Account-i

The information provided in this product disclosure sheet is valid as at 19/07/2019.

LAMPIRAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Bahagian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **KFH DEPOSIT KOMODITI MURABAHAH ANTARABANGSA JUNIOR-i**. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat produk ini.)

Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad

KFH DEPOSIT KOMODITI MURABAHAH ANTARABANGSA JUNIOR-i

Tarikh: 19 JULAI 2019

1. Apakah sifat produk ini?

KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa Junior-i (“ICM Junior”) adalah akaun pelaburan kadar tetap yang berdasarkan konsep Shariah, *Murabahah* (jualan kos campur keuntungan) dan *Tawarruq* (monetisasi) di mana kadar keuntungan dan jumlah keuntungan diisytiharkan terlebih dahulu kepada Pelanggan. Ia merupakan satu-satunya produk deposit berjangka patuh Syariah di mana kadar keuntungan dan amaun keuntungan diisytihar terlebih dahulu. Produk ini ditawarkan kepada pelanggan berumur 18 tahun ke bawah di mana penjaga diperlukan untuk membuka akaun ini.

** Penjaga mestilah ibu bapa kepada junior atau penjaga sah yang dilantik oleh undang-undang. Penjaga sah adalah seseorang yang telah ditugaskan untuk menjaga 'junior' pada mahkamah undang-undang dan mesti mempunyai surat undang-undang untuk membuktikan bahawa mereka adalah penjaga yang sah.*

2. Adakah produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insuran Deposit Malaysia (PIDM)?

Ya, produk ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

3. Apakah konsep Shariah yang digunakan?

Konsep Shariah yang digunakan adalah *Murabahah* (jualan kos campur keuntungan) dan *Tawarruq* (monetisasi), di mana aset tertentu akan dikenal pasti dan digunakan sebagai aset transaksi bagi penjualan dan pembelian antara Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (“KFH Malaysia”) dan Pelanggan. Di bawah kontrak ini, Pelanggan melantik KFH Malaysia untuk memasuki urusan niaga bagi pihak Pelanggan berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui. KFH Malaysia sebagai ejen akan membeli komoditi itu daripada broker pada harga kos. KFH Malaysia kemudiannya akan menawarkan kepada Pelanggan untuk membeli komoditi pada harga belian campur keuntungan dan akan dibayar pada tarikh pembayaran tertangguh. KFH Malaysia akan menjual komoditi itu kepada broker lain pada harga kos penyelesaian. Pada tarikh pembayaran tertangguh yang ditetapkan, KFH Malaysia akan membayar Pelanggan harga jualan yang terdiri daripada kos (prinsipal) campur keuntungan.

4. Apakah ciri-ciri yang ada pada produk ini?

- Mata wang yang digunakan adalah dalam Ringgit Malaysia.
- Amaun Deposit permulaan adalah RM1,000.00.
- KFH Malaysia berhak untuk meminda amaun deposit permulaan dari semasa ke semasa.
- Tempoh pelaburan ialah 1, 3, 6, dan 12 bulan atau mana-mana tempoh lain yang ditentukan oleh KFH Malaysia.
- Keuntungan bagi produk ini akan dibayar pada tarikh matang simpanan.
- Penjaga hendaklah membuka Akaun Simpanan Amanah untuk mengkreditkan keuntungan bagi ICM Junior.
- Kadar keuntungan adalah sebagaimana yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.

5. Apakah kunci terma-terma dan syarat-syarat lain yang saya harus tahu mengenai produk ini?

Pengeluaran Awal Sebelum Tarikh Matang Pelaburan :

- Pelanggan boleh, dari semasa ke semasa dalam Tempoh, memohon pembayaran awal untuk keuntungan yang diperolehi dari Akaun daripada KFH Malaysia tidak kira dalam bayaran penuh atau sebahagian dan di mana dianggap sesuai oleh KFH Malaysia.
- Pelanggan boleh memohon pembayaran awal Harga Pembelian sebelum tamat tempoh Tarikh Matang. Permohonan ini mungkin dibenarkan oleh KFH Malaysia dengan syarat Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat / ibra' kepada KFH Malaysia, yang mana dalam keadaan tersebut, tiada keuntungan akan dibayar kepada Pelanggan.

Pembaharuan Semula:

Pembaharuan semula dibenarkan bagi jumlah pokok deposit sahaja atau jumlah pokok deposit bersama keuntungan

6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Penggantian Resit/Sijil Deposit yang hilang :

- RM5.00 bagi setiap Resit/Sijil
- RM10.00 duti setem untuk Surat Tanggung Rugi

Yuran Dagangan Komoditi:

- Yuran dagangan komoditi akan ditanggung oleh pihak KFH Malaysia.

7. Apakah risiko yang terlibat?

Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko sebelum membuat keputusan simpanan. Tidak ada risiko yang terlibat dalam produk ini jika tiada pengeluaran awal sebelum tarikh matang pelaburan dibuat.

8. Apakah yang harus dibuat sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan anda, adalah penting untuk memberitahu kami bagi memastikan sebarang surat-menyurat akan sampai tepat pada masanya.

9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?

Jikalau anda ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut berkenaan dengan produk **KFH DEPOSIT KOMODITI MURABAHAH ANTARABANGSA JUNIOR-i**, anda boleh merujuk kepada risalah produk yang terdapat di semua cawangan KFH Malaysia atau melayari laman web kami di kfh.com.my.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan, sila hubungi kami di :-

Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad

Level 26, Menara Prestige
No. 1, Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia

Talian Am : +603 2168 0000 Talian Faks Am: +603 2168 0001
Talian Perkhidmatan : 1300 888 534

10. Produk-Produk Pelaburan yang lain

- KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa-i
- KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa-i Mata Wang Asing
- Senior ICM Account-i

Maklumat yang diberikan di lampiran pendedahan produk ini adalah sah pada 19/07/2019.